

Gotong-royong bersih sekolah selepas banjir

Oleh MANIRAH OTHMAN
manirah.othman@kosmo.com.my

HULU TERENGGANU – Pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Tadok dekat sini diberi cuti sehari semalam apabila sekolah mereka masih dipenuhi lumpur dan laluan ke sekolah masih ditenggelami air.

Namun, sebagai perseediaan untuk sesi persekolahan hari ini, beberapa kakitangan sekolah bersama ibu bapa dan pelajar dengan dibantu beberapa anggota tentera, Jabatan Bomba dan Penyelamat bergotong-royong mem-

bersihkan sekolah itu.

Turut serta dalam program itu ialah Ahli Parlimennya, Mohd. Nor Othman serta Pegawai Pelajaran Daerah, Shafruddin Ali Hussin dan pengetua sekolah berkenaan, Razawi Mohammad.

Menurut Shafruddin, sekolah berkenaan sudah ditenggelami air sejak Jumat lalu dan mulai surut lewat petang kelmarin namun kerana atas faktor keselamatan, pelajar diberikan cuti sehari.

“Sebahagian besar pelajar juga tidak dapat pergi ke sekolah kerana air banjir masih menghalang laluan

mereka untuk ke sekolah,” katanya ketika ditemui semalam.

Dalam pada itu, Shafruddin berkata, ekoran bencana itu juga, pagar sepanjang kira-kira 70 meter di belakang sekolah tersebut turut runtuh yang menyebabkan ia mudah dimasuki binatang ternakan penduduk kampung.

“Selain itu juga, pihak pejabat pelajaran daerah sedang menilai jumlah kerugian sekolah ini dan kira-kira 30 buah sekolah di daerah ini yang terjejas akibat banjir,” katanya.

Sementara itu, menurut Mohd. Nor, pihaknya berharap Kementerian Pelajaran dapat memberikan



SHAIFUDDIN MOHD. NOR

SEBAHAGIAN pelajar SK Bukit Tadok membersihkan bilik darjah di Hulu Terengganu semalam.

kelulusan segera supaya bangunan baru dua tingkat di sekolah berkenaan dapat dibina.

“Ia supaya bilik darjah tidak di-

tenggelami air apabila berlaku hujan lebat. Dua kali dalam setahun sekolah ini akan dilanda banjir,” katanya.